

Rakyat tidak perlu bimbang lagi - Sanusi

KUALA LUMPUR, Isnin — Penduduk di negara ini tidak perlu lagi bimbang tentang beberapa isu yang menakutkan mereka selama ini dengan adanya pemerintahan baru kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid berkata, kerajaan pimpinan baru sedang berusaha mengikis perasaan takut ini dengan menanamkan keyakinan di hati rakyat.

"Rakyat tidak perlu lagi bimbang dan gelisah dengan isu-isu menakutkan yang dibawakan oleh parti pembangkang kerana kerajaan sedang giat mengatasinya," tambah beliau.

Beliau berucap merasmikan Kursus Perancangan dan Pelaksanaan Projek-projek Sosio-ekonomi Desa yang kedua di Intan di sini.

Kursus tersebut dihadiri oleh 40 peserta dari seluruh negara terdiri dari Penolong Pegawai Kemajuan Negeri-negeri, Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat, Pegawai Belia Peladang dan Pegawai Perikanan.

Datuk Sanusi berkata,

politik menakutkan ini timbul dalam masyarakat di negara ini oleh sebab perbezaan agama, keturunan, bangsa, budaya dan bahasa ibunda.

Katanya, perasaan gembira, bimbang dan takut dirasakan oleh masing-masing kaum mengenai kedudukan mereka di negara ini.

Menurut Datuk Sanusi, orang Melayu gembira dengan kedudukan politik tetapi bimbang tentang pencapaian ekonomi dan apa yang akan berlaku kepada kuasa politik mereka setelah pencapaian ekonomi yang lebih baik menjelang tahun 1990.

Pelabur

Orang Cina pula bangga dengan ekonominya tetapi takut bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru akan membantut kemajuan mereka di bidang itu.

Sementara orang India bangga dengan peranan sebagai pendamai sebarang pertikaian termasuk mengenai buruh tetapi kuatir tentang agihan 30 peratus kepada Bumiputera, 30 peratus kepada pelabur asing dan 40 peratus untuk mereka berkongsi dengan kaum Cina.

Datuk Sanusi berkata,

politik menakutkan ini lebih ketara menjelang pilihanraya dalam mana parti-parti pembangkang memutarbelitkannya untuk kepentingan tertentu.

Menteri itu yakin kebimbangan itu dapat diatasi jika semua pihak mempunyai kesungguhan untuk menyelesaikannya.

"Malangnya, kita semua tidak mempunyai sikap ingin tahu dan menganggap tidak mengetahui, sebagai sikap biasa sehinggalah kita menerimanya sahaja dan berputus harap," tambah beliau.

Beliau berpendapat selagi politik menakutkan itu tidak diatasi, langkah mengelak dari isu-isu itu berpanjangan.

Dalam hubungan ini, beliau menekankan perlunya pegawai kerajaan bersikap sebagai pemimpin di setiap peringkat dengan menerangkan dasar kerajaan kepada mereka yang tidak faham, dalam usaha menyatupadukan rakyat.

Datuk Sanusi berkata, pegawai kerajaan harus memegang peranan sebagai penyelesai masalah supaya hasrat kerajaan mewujudkan sikap bersih, cekap dan amanah tercapai. — Bernama.